



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

MESYUARAT PERTAMA MAJLIS SEJAWARAN NEGARA

PUTRAJAYA, 8 September 2025 – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Arkib Negara Malaysia (ANM) buat julung kalinya menubuhkan **Majlis Sejarawan Negara** iaitu sebuah **badan berautoriti yang amat penting serta berperanan besar dalam menasihati kerajaan berhubung naratif sejarah negara**. Majlis peluncuran dan penyerahan watak Majlis Sejarawan Negara telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri hari ini.

Majlis Sejarawan Negara ialah sebuah entiti yang mengawal selia aspek kajian, rujukan sumber, penulisan, penerbitan, pendidikan sejarah serta advokasi berkaitan sejarah negara. Majlis ini turut berperanan dalam menjana pemikiran dan idea baharu untuk memantapkan pendidikan sejarah negara yang inklusif selaras dengan identiti Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum serta mengesyorkan pemerkasaan penggunaan sumber sejarah yang berautoriti dan berintegriti dalam penulisan sejarah negara.

Tempoh keanggotaan Majlis Sejarawan Negara ini adalah selama **dua (2) tahun** bermula daripada **1 Ogos 2025 hingga 31 Julai 2027**. Keahliannya terdiri daripada sepuluh (10) orang Sejarawan, dua (2) orang ahli Arkeologi; dua (2) orang ahli Antropologi dan Sosiologi dan tiga (3) orang wakil daripada Kementerian Perpaduan Negara, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Antara tokoh sejarawan serta wakil Kementerian yang telah menerima watak pelantikan hari ini ialah :

- i. **YBhg. Datuk Prof. Emeritus Dr. Ahmat Adam**
Pensyarah (Bersara)
Universiti Malaya (UM)

- ii. **YBhg. Datuk Prof. Emeritus Dr. Abdullah Zakaria Bin Ghazali**
Penyandang Kursi Sultan Mizan Zainal Abidin
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
- iii. **YB Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan Bin Othman**
Pengerusi Felo Kenegaraan Dewan Kenegaraan
Pejabat Perdana Menteri
- iv. **YBhg. Datuk Prof. Dr. Danny Wong Tze Ken**
Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya (UM)
- v. **YBrs. Prof. Dr. Sivachandralingam Sundara Raja**
Pensyarah (Bersara)
Universiti Malaya (UM)
- vi. **YBhg. Datin Prof. Dr. Mahani Binti Awang @ Musa**
Pensyarah (Bersara)
Universiti Sains Malaysia (USM)
- vii. **YBrs. Profesor Dr. Mohd bin Samsudin**
Timbalan Pengarah Eksekutif
Institut Warisan, Sejarah, Sosial, Politik dan Pentadbiran Awam
(ISPA)
- viii. **YBrs. Profesor Lee Kam Hing**
Pensyarah (Bersara)
Universiti Malaya (UM)
- ix. **YBrs. Profesor Madya Dr. Bilcher Bala**
Pensyarah
Universiti Malaysia Sabah (UMS)
- x. **YBrs. Dr. Ahmad Kamal Ariffin bin Mohd Rus**
Pensyarah
Universiti Malaya (UM)
- xi. **YBrs. Profesor Dr. Stephen Chia Ming Soon**
Pengarah
Pusat Penyelidikan Arkeologi Global
Universiti Sains Malaysia (USM)

- xii. **YBrs. Profesor Madya Dr. Asyaari bin Muhamad**
Pengarah
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
- xiii. **YBrs. Profesor Dr. Poline Bala**
Pengarah Institut Pengajian Asia Borneo (IBS)
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
- xiv. **YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
- xv. **YBhg. Datuk Dr. Anesee bin Ibrahim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
- xvi. **YBhg. Dato' Ts. Dr. Haji Aminuddin bin Hassim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dalam ucapan aluannya berkata langkah Kerajaan MADANI menubuhkan majlis ini adalah **inisiatif strategik negara sejajar untuk membangunkan identiti nasional yang kukuh dan berpaksikan sejarah, memastikan ketepatan fakta sejarah dalam wacana awam dan pendidikan serta menyediakan wadah profesional kepada sejarawan.**

KPN terus menyokong usaha ke arah pembinaan naratif sejarah yang mencerminkan kepelbagaian dan penyatuan, agar generasi akan datang dapat mempelajari sejarah negara berasaskan fakta yang sahih serta dapat dibuktikan dengan jelas. Usaha ini juga selari dengan agenda pembinaan negara bangsa seperti yang digariskan melalui Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

Kementerian Perpaduan Negara
8 September 2025
KPN.100-9/1/16 (75)